

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 3 / 11 / 2010

Dr. Mahathir janji sentiasa dekati Perkasa

UM-3/11/2010

KUALA LUMPUR 2 Nov. – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berjanji sentiasa mendekati Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) bagi memastikan ia terus menyokong Barisan Nasional (BN) dan UMNO serta tidak beralih kepada pembangkang.

Katanya, pertubuhan bukan ke-

rajaan (NGO) seperti Perkasa menjadi landasan untuk lebih meyakinkan orang Melayu supaya bangkit memperjuangkan dan mempertahankan hak sendiri.

“Jika UMNO yang memayungi orang Melayu tidak mahu lagi bersuara menentang tuntutan melampau pihak tertentu untuk meng-

hapuskan polisi dan skim bagi membantu orang Melayu, maka sudah tentu orang Melayu akan mencari pihak lain untuk bergantung harap,” katanya dalam entri terbaru di laman web <http://chedet.co.cc> hari ini.

Dr. Mahathir berkata, Perkasa boleh menjadi parti politik dan me-

ngatasi UMNO dalam soal memperjuangkan nasib orang Melayu jika ia mahu, namun tidak pernah berbuat demikian kerana menyedari bahawa kaum itu sudah banyak berpecah melalui parti-parti politik yang ditubuhkan.

“Jadi, mereka hanya menjadi sebuah NGO yang memberi mereka

pilihan sama ada untuk menyokong BN dan UMNO atau tidak,” katanya.

Menurutnya, sudah pasti secara semula jadi orang Melayu akan bangkit mempertahankan hak mereka melalui Perkasa, namun pertubuhan itu dituduh pula sebagai rasis dan patut ditolak.

“Adakah Perkasa rasis? Jika benar ia rasis, sudah pasti Perkasa akan menuntut supaya layanan istimewa kaum lain juga dihapuskan,” katanya.

Namun jelasnya, Perkasa tidak melakukan perkara itu selain hanya berjuang dan mempertahankan perkara yang menjadi hak orang Melayu.